



PEJABAT TIMBALAN KETUA PENGARAH PELAJARAN MALAYSIA
OFFICE OF DEPUTY DIRECTOR-GENERAL OF EDUCATION MALAYSIA
SEKTOR OPERASI PENDIDIKAN
EDUCATIONAL OPERATION SECTOR
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
MINISTRY OF EDUCATION MALAYSIA
ARAS 4 BLOK E2, KOMPLEKS E
LEVEL 4 BLOCK E2 COMPLEX E
PUSAT Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
FEDERAL GOVERNMENT ADMINISTRATIVE CENTRE
62604 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel : +603-8884 9302
Faks : +603-8888 6680
Website : <http://www.moe.gov.my/>

Ruj. kami : KPM.600-4/2/16 ()
31 Julai 2019
Zulkaedah 1440H

Presiden
Kelab Duta Rimba @ Jungle Ambassador
Kwartir Pendidikan Guru
Blok C-4-3 Jalan Atinahappan
Taman Tun Dr. Ismail, 60000
Kuala Lumpur

Tuan,

**KEBENARAN PELIBATAN GURU DAN MURID PASUKAN BADAN BERUNIFORM
UNTUK MENYERTAI PERTANDINGAN DAN SAMBUTAN *WORLD ENVIRONMENT
DAY 2019* ANJURAN DUTA RIMBA @ *JUNGLE AMBASSADOR***

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah menerima dan meneliti permohonan penganjuran program di atas daripada pihak tuan. Pihak KPM mengalu-alukan kerjasama dengan agensi kerajaan dan agensi bukan kerajaan dalam pembangunan pendidikan guru dan murid-murid sekolah.

3. Sehubungan dengan itu, KPM **tiada halangan** membenarkan murid dan guru untuk menyertai **Pertandingan Dan Sambutan *World Environment Day 2019* Anjuran Duta Rimba @ *Jungle Ambassador*** yang akan diadakan pada **18 September 2019** bertempat di **Pusat Sains Negara, Bukit Damansara, Kuala Lumpur**. Walau bagaimanapun, kelulusan bagi permohonan tersebut adalah berdasarkan syarat-syarat berikut:


- 3.1. Pelibatan murid dalam aktiviti tersebut adalah dengan pengetahuan dan kebenaran pengetua / guru besar sekolah yang terlibat;
- 3.2. Persetujuan dan kebenaran bertulis daripada ibu bapa atau penjaga murid yang menyertai program berkenaan;
- 3.3. Guru-guru dan murid-murid tidak boleh dipaksa menyertai program berkenaan;
- 3.4. Penglibatan guru dan murid dalam program ini tidak akan menjejaskan proses pengajaran dan pembelajaran mereka;

- 3.5 Guru hendaklah sentiasa bersama-sama murid sepanjang program berlangsung;
 - 3.6 Perlindungan insurans dan langkah-langkah keselamatan murid disediakan;
 - 3.7 Tiada implikasi kewangan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia, Jabatan Pendidikan Negeri, Pejabat Pendidikan Daerah yang terlibat;
 - 3.8 Pihak tuan dipohon berbincang dan mendapat kebenaran Jabatan Pendidikan Negeri dan Pengetua/Guru Besar sekolah yang berkenaan terlebih dahulu agar tidak menimbulkan sebarang implikasi daripada program yang dijalankan;
 - 3.9 Bagi tujuan pemberian markah kokurikulum, pihak tuan dipohon mengemukakan satu salinan laporan program dalam tempoh 30 hari selepas pelaksanaan program bersama-sama surat permohonan pengiktirafan program.
4. Pihak tuan juga adalah dipohon untuk mengemukakan laporan program kepada Bahagian ini dua minggu setelah program selesai untuk tujuan rekod dan rujukan. **Kelulusan ini adalah hanya untuk memberi pelepasan kepada guru serta murid bagi menyertai Pertandingan Dan Sambutan *World Environment Day 2019* Anjuran Duta Rimba @ *Jungle Ambassador* yang akan diadakan pada 18 September 2019 dan luput selepas 31 Disember 2019.** Kementerian Pendidikan Malaysia berhak menarik balik surat kelulusan sekiranya pihak penganjur gagal mematuhi syarat dan peraturan yang ditetapkan atau bercanggah dengan dasar sedia ada yang sedang berkuatkuasa.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(DATO' MOHD JAMIL BIN MOHAMED)

Pengarah
Bahagian Pengurusan Sekolah Harian
b.p. Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia
(Sektor Operasi Pendidikan)
Kementerian Pendidikan Malaysia.